

**Wanita Umno Selangor Sokong Shahrizat Kekal Ketua Pergerakan
Bernama
22 Ogos, 2013**

SHAH ALAM, 22 Ogos (Bernama) -- Wanita Umno Selangor Khamis menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil untuk kekal sebagai ketua pergerakan itu.

Ketuanya Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat perhubungan negeri Pergerakan Wanita Umno Selangor yang diadakan baru-baru ini di mana kesemua yang hadir menyatakan persetujuan untuk terus menyokong Shahrizat.

Beliau berkata keputusan itu dicapai berdasarkan prestasi Shahrizat yang terbukti cemerlang ketika memegang jawatan ketua Wanita termasuk berjaya menampilkan lebih ramai calon wanita pada pilihan raya umum (PRU) ke-13.

"Sejak 2009 ketika memegang jawatan Ketua Wanita Umno, Shahrizat telah membawa banyak pembaharuan dan perubahan serta melaksanakan janjinya dan paling jelas dengan penubuhan Skwad Sayang Wanita Umno bagi mendekati semua peringkat masyarakat," katanya dalam sidang media di sini, Khamis.

Raja Ropiah berkata Wanita Umno memerlukan seorang ketua yang mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang terutamanya dalam perjuangan berdepan dengan PRU ke-14 yang dijangka akan semakin sengit.

"Dalam semua aspek saya tidak nampak ada (calon lain) yang menyerlah berbanding Shahrizat," katanya.

Diminta mengulas mengenai mereka yang menawarkan diri mencabar Shahrizat, Raja Ropiah berkata Wanita Umno Selangor bersifat terbuka dalam pemilihan parti yang bersifat demokrasi kerana sesiapa pun boleh menawarkan diri tanpa perlu dicalonkan.

Beliau berkata, anggota Wanita pastinya akan memilih mereka yang paling layak dan mempunyai rekod kerja cemerlang.

Sebelum ini, bekas Ketua Puteri Umno Datuk Seri Azalina Othman Said yang juga anggota Parlimen Pengerang, dilaporkan melahirkan hasrat untuk mencabar Shahrizat bagi jawatan Ketua Wanita Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971810>